

Soalan 1. Sila tanda Betul (B) atau Salah (S) dalam kotak yang telah disediakan. 10 markah

Kebaikan menyertai berbagai-bagai aktiviti sekolah.

1. Menyertai nilai-nilai kepimpinan seperti merancang, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.	
2. Tidak mengetahui sebab pentingnya bekerja secara berkumpulan.	
3. Tidak memupuk sifat ihsan dan bertimbang rasa.	
4. Memupuk sifat tidak bertanggungjawab dalam menjalankan amanah.	
5. Mendorong diri menjadi insan kreatif dan rajin berusaha bagi mencapai kejayaan.	
6. Menutup ruang dan peluang kepada murid mempelajari kemahiran tambahan dan ikhtiar hidup.	
7. Memupuk murid belajar cara menguruskan masa.	
8. Menerapkan nilai tidak berdaya saing dan tantangan baru.	
9. Memupuk semangat kesukanan dalam kegiatan yang disertai.	
10. Murid tidak suka cabaran untuk meningkatkan daya tahan mereka.	

Soalan 2. Padankan Ayat. 10 markah

Petak A (Nilai-nilai murni)	Jawapan	Petak B (Maksud)	
1. Amanah		A	Tolong-menolong
2. Bekerjasama		B	Mengambil berat
3. Gigih		C	Tidak cepat marah
4. Taat		D	Jujur dan boleh dipercayai
5. Sabar		E	Berterima kasih
6. Prihatin		F	Tidak pilih kasih
7. Bersimpati		G	Berserah kepada Allah setelah berusaha
8. Tawakal		H	Rajin berusaha
9. Bersyukur		I	Mengikut perintah
10. Adil		j	Bertimbang rasa

Soalan 3. Soalan peristiwa. 10 Markah

Padankan nilai-nilai murni yang perlu kamu lakukan jika berhadapan peristiwa berikut. 10 markah

Saya akan bersifat amanah dan menyimpan rahsia kawan saya dan tidak akan menceritakan rahsianya kepada orang lain.

Saya akan menolong ayah saya membangunkan abang saya supaya bangun lebih awal dan mengingatkannya supaya tidur awal setiap hari dan lebih berdisiplin untuk hadir lebih awal ke sekolah.

Saya akan menegur adik saya supaya menanam minat untuk rajin belajar dan bersungguh-sungguh dan menasihatinya supaya tidak membuang masa bermain telefon bimbit.

Saya akan menegur murid yang membuli itu untuk berhenti membeli murid tahun tiga dan melaporkan kejadian itu kepada guru supaya mereka tidak berani mengulangi

perbuatannya.

Saya akan menjaga ibu saya dengan baik, memberinya makan ubat dan menyuruhnya berehat dan saya akan menyiapkan makanan untuk kami di dapur.

PERISTIWA 1

Adik kamu tidak mahu pergi ke sekolah kerana tiada minat belajar dan suka bermain telefon bimbit di rumah. Apakah tindakan kamu?

PERISTIWA 2

Ibu kamu mengalami demam panas sehinggakan tidak dapat menyiapkan makanan untuk kamu. Apakah kamu perlu lakukan?

PERISTIWA 3

Kawan kamu telah bercerita mengenai hal dirinya dan mengatakan kepada kamu perkara itu menjadi rahsia di antara kamu berdua sahaja. Apakah tindakan yang perlu kamu lakukan?

PERISTIWA 4

Ayah kamu telah membangunkan abang kamu yang masih tidur sedangkan dia perlu pergi ke sekolah pada hari itu dan selalu lewat datang ke sekolah. Apakah tindakan kamu?

PERISTIWA 5

Kamu sedang berjalan di kawasan sekolah dan kamu ternampak murid tahun enam membuli murid tahun tiga. Apakah tindakan kamu.